

Budaya balik kampung semakin lenyap akibat proses perbandaran

Tiga negeri 'hilang' suasana desa

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**

KUANTAN – Suasana balik kampung mungkin tidak dirasai lagi bagi penduduk Selangor, Pulau Pinang dan Melaka dalam tempoh satu generasi lagi ekoran status ketiga-tiga negeri itu yang menuju ke arah perbandaran.

Dalam tempoh antara lima hingga 10 tahun akan datang, kita mungkin tidak akan melihat kemeriahan di jalan raya yang dipenuhi kenderaan warga kota yang pulang ke kampung ekoran peningkatan kadar perbandaran yang mencapai 100 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, ketiga-tiga negeri itu akan menyertai Kuala Lumpur dan Putrajaya yang sudah pun mencapai 100 peratus kadar perbandaran.

Katanya, kajian mendapati kadar perbandaran di Malaysia menunjukkan peningkatan kepada 75.1 peratus pada 2020 berbanding 70.9 peratus pada 2010.

“Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya mempunyai 100 peratus penduduk yang tinggal di bandar, manakala Selangor 95.8 peratus, Pulau Pinang (92.5) dan Melaka (90.9).

“Ketika ini, kita mengalami sebuah negara yang dipanggil ‘middle class’ (kelas pertengahan) berdasarkan perubahan negara



DR. MOHD. UZIR

dan ramai yang dahulunya mendiami kawasan luar bandar telah bergerak ke bandar,” katanya.

Menurut Mohd. Uzir, ramai warga kota pulang ke kampung pada waktu perayaan ketika ini kerana mempunyai nostalgia.

Bagaimanapun tambahnya, bagi anak-anak yang lahir dan menetap di bandar, mereka mungkin iaitu selepas satu generasi lagi tidak akan ada yang balik ke kampung ketika musim perayaan.

“Ia berlaku kerana generasi yang lahir di bandar tidak akan berasa begitu teruja pulang ke kampung,” katanya.

Ujar Mohd. Uzir, berdasarkan bncian penduduk dan perumahan Malaysia 2020, jumlah penduduk di negara ini ialah seramai 32.4 juta dengan 24.4 juta atau 75 peratus daripadanya menetap di bandar.



SUASANA kampung yang ada ketika ini bakal lenyap mengikut peredaran zaman ekoran ramai sudah berpindah dan menetap di bandar. – GAMBAR HIASAN

“Baki 8.09 juta bersamaan 24.9 peratus lagi merupakan penduduk luar bandar,” katanya.

Tambahnya, daripada jumlah itu 100 peratus penduduk Kuala Lumpur dan Putrajaya yang masing-masing berjumlah 1.98 juta dan 109,202 adalah merupakan penduduk bandar.

“Sebanyak 95.8 peratus iaitu 6.7 juta orang daripada 6.9 juta penduduk di Selangor adalah

penduduk bandar, Pulau Pinang (92.5 peratus daripada 1.7 juta penduduk) diikuti Melaka (90.9 peratus daripada 998,428 penduduk) tinggal di bandar,” katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, berdasarkan data tersebut, dilihat terdapat keperluan untuk mengekalkan suasana luar bandar yang menjadi nilai tambah kepada masyarakat di

bandar yang mahukan kehidupan santai di kawasan alam semulajadi.

“Bagi Pahang, kadar perbandaran ialah 52.8 peratus dan saya rasa negeri itu perlu memperkasakan kehijauan dan tidak perlukan perbandaran terlalu laju kerana nanti kita tidak tahu mana hendak pergi lagi ke kawasan alam semulajadi dan sebagainya,” ujarnya.